

Tanggapan salah mesti diperbetul

BH 16 FEB 2001

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu supaya tanggapan salah terhadap isu-isu tertentu di kalangan masyarakat diperbetulkan dalam usaha mengurangkan ketegangan antara kaum dan memupuk perpaduan negara.

Perdana Menteri menegaskan, kini wujud sikap yang tidak bertolak ansur dalam isu agama kerana fahaman yang kabur termasuk di kalangan pelajar kononnya tidak boleh berkongsi bilik dengan kaum lain.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, mesej itu disampaikan oleh Dr Mahathir ketika mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara di sini hari ini.

"Perdana Menteri memberi penerangan mengenai fahaman agama yang perlu

diperkemas dan diperbetulkan kerana kalau kita bandingkan antara dulu dan sekarang, dulu kita boleh bertolak ansur dengan berkongsi bilik antara pelajar pelbagai kaum yang tidak menjejaskan kegiatan keagamaan seperti bersolat.

"Ini penting supaya fahaman yang tidak betul itu tidak meleret menjadi isu yang boleh mencetuskan sentimen perkauman dan membawa kepada persepilihan faham. Akhirnya ia mengugat perpaduan nasional.

"Malah, Dr Mahathir juga menekankan supaya dialog dengan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) diteruskan," katanya dalam sidang akhbar selepas pertemuan lebih dua jam yang diadakan di bilik Mesyuarat Perdana, Jabatan Perdana Menteri di sini.

Panel itu yang ditubuhkan pada 1974, berperanan

sebagai badan untuk membincangkan secara terang isu-isu berhubung perpaduan, menggalakkan perhubungan kaum secara positif dan mencegah perasaan perkauman yang boleh menimbulkan konflik dan konfrantasi antara kaum.

Ia dipengerusikan oleh Zaharah dan mengandungi 48 ahli yang dilantik oleh Perdana Menteri. Mereka mewakili pelbagai organisasi, termasuk pensyarah IPT.

Zaharah berkata, mesyuarat itu bersetuju mengambil ketetapan bahawa sebarang isu tercetus dielak daripada digemburkan supaya tidak dipolitik sehingga menjejaskan suasana keharmonian.

Katanya, ahli Panel itu akan terus mengadakan dialog dengan segmen penting seperti pelajar selain ahli media massa bagi mewujudkan perse-

fahaman yang lebih jitu ke arah perpaduan negara.

Beliau berkata, pihaknya setakat ini sudah mengadakan dialog dengan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan selepas ini dengan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Kita nak jelaskan apa makna perpaduan nasional dan memberi penerangan mengenai kontrak sosial yang sebenarnya wujud sewaktu kita mencapai kemerdekaan dan menjadi teras kepada pembangunan negara serta kestabilan politik selama ini.

"Kita perlu memberi penerangan dengan sebaik mungkin. Apa yang berlaku apabila tercetus isu tertentu, mungkin disebabkan masalah penerangan yang tidak jelas diberikan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya

akan menjalankan kajian bagi mengukur tahap perpaduan negara dan mengenal pasti mengapa sikap kurang bertolak ansur berlaku.

Katanya, hasil kajian itu nanti akan dijadikan panduan untuk melakukan tindakan pembetulan kepada apa yang berlaku dalam masyarakat masakini bagi mengelak unsur yang boleh menjejaskan kepentingan negara.

"Perkara ini (kajian) dibincang dalam pertemuan dengan Perdana Menteri. Kita mahu hasil kajian ini boleh memberi input kepada program pembangunan sosial kerajaan," katanya.

Beliau berkata, tujuan pertemuan ahli panel dengan Dr Mahathir itu adalah bagi mendapat panduan dan pandangannya mengenai perpaduan untuk dijadikan landasan dalam tindakan bagi program perpaduan nasional.